

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PELANCARAN SIRKIT BADMINTON REMAJA MILO-CARLTON 1993
Lokasi : BILIK PERSIDANGAN STADIUM BADMINTON, CHERAS, KUALA LUMPUR
Tarikh : 21-05-1993

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Persatuan Badminton Malaysia kerana menjemput saya untuk melancarkan Sirkuit Badminton Remaja Milo-Carlton 1993 yang merupakan satu siri kejohanan yang akan menonjolkan lebih ramai pemain remaja kita daripada kalangan pelajar-pelajar di peringkat umur bawah 15 tahun dan bawah 12 tahun.

2. Umumnya, sukan badminton sudah mendapat tempat di hati rakyat kita di seluruh negara. Perkembangan sukan badminton di negara kita dari tahun empat puluhan hinggalah ke hari ini, adalah penuh dengan sejarah pahit dan sejarah manisnya.

Pemain-pemain negara dari dahulu hingga sekarang telah menunjukkan kecemerlangan mereka hingga mampu meraih kemenangan besar seperti Piala Thomas. Pencapaian mereka telah banyak memberi pengertian imej kepada kita. Daripada era Wong Peng Soon, Tan Aik Huang, Tan Aik Mong, Datuk Punch Gunalan hingga ke keluarga Haji Sidek serta pemain-pemain negara yang lain, mereka semua telah menjadi sumber inspirasi kepada generasi pemain badminton sekarang.

Kewibawaan mereka juga akan terus membara dan menyala untuk memberi semangat perjuangan yang berterusan dalam arena badminton dunia.

3. Selain daripada usaha kita mewujudkan sebuah akademi, rancangan latihan yang sistematik dan mendapatkan kepakaran kejurulatihan luar negeri untuk mengendalikan latihan jangka panjang, kita juga mesti mengadakan kejohanan-kejohanan di berbagai-bagai peringkat penyertaan. Aktiviti pertandingan atau sirkuit kejohanan adalah merupakan salah satu jalan atau cara yang baik untuk melahirkan jaguh pemain badminton terkemuka negara. Ketrampilan mereka akan teruji dari semasa ke semasa dan melalui sistem pertandingan ini, kita berharap bakat pelatih-pelatih kita di semua peringkat penyertaan akan berputik dan berkembang menjadi jaguh-jaguh baru yang hebat untuk menyahut cabaran negara di masa hadapan.

4. Di sini saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas kepada BAM, khususnya Jawatankuasa Pertandingannya dan pihak MILO serta Carlton yang telah berjaya mewujudkan Sirkuit Kejohanan Badminton Remaja Milo- Carlton 1993 yang pertama bagi kumpulan umur bawah 12 tahun dan 15 tahun. Kemampuan dan kejayaan kita mengelolakan kejohanan sirkuit ini akan menjadi satu lagi usaha kita dalam melahirkan jaguh remaja 12 tahun dan jaguh remaja 15 tahun.

Dengan adanya pertandingan secara sirkuit ini, bermakna mereka akan berpeluang menguji bakat, mengasah kecekapan, kemahiran dan dapat memantapkan lagi ketahanan mental mereka semasa bersaing di antara satu dengan yang lain.

5. Kepada para pemain-pemain remaja sekalian, saya suka mengingatkan bahawa untuk menjadi seorang juara atau jaguh dunia, kita hendaklah menyediakan diri daripada semua aspek potensi diri yang ada pada kita, iaitu daripada segi kesihatan diri, kecergasan diri, wawasan dan matlamat yang jelas tentang apa yang ingin kita capai dalam tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Di samping itu, kita hendaklah mengukuhkan wawasan kita dengan penuh tanggungjawab, bersikap positif, penuh keazaman dan komitmen yang jitu serta disiplin diri yang kukuh. Lihatlah jaguh-jaguh dunia yang ada di sekeliling kita, mereka mempunyai etika kerja yang cemerlang, mereka mempunyai sifat-sifat peribadi yang unggul seperti berani menghadapi cabaran getir dan mempunyai semangat juang yang hebat semasa bertanding. Oleh itu saya amat berharap anak-anak sekalian dapat mengamalkan sifat-sifat ini. Saya sungguh berharap para pemain remaja kita yang ada di dewan ini dapat mengambil amanat ini sebagai suatu dorongan yang dapat membimbing mereka ke arah kecemerlangan diri dan seterusnya membawa kecemerlangan negara kita dalam arena badminton antarabangsa.

6. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Jawatankuasa

Pengelola, pihak penaja iaitu Milo dan Carlton dan semua pihak yang terbabit dalam menjayakan Sirkuit Badminton Remaja Milo- Carlton 1993. Kepada para pemain sekalian, saya mengucapkan selamat bertanding dan 'do your best' untuk kejayaan diri sendiri.

7. Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya melancarkan Sirkuit Badminton Remaja Mili-Carlton 1993 dengan rasminya.

Sekian. Terima kasih.